

PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAHAGIAN A

BIL	KESALAHAN	DENDAAN / TINDAKAN
1.	Pelajar menetap yang membenarkan jantina lain memasuki atau berada di biliknya.	a) RM100.00 atau / dan b) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
2.	Seseorang pelajar menghalang/menahan seseorang pegawai, pekerja atau ejen universiti daripada memasuki bilik pelajar kerana menjalankan tugas.	a) RM50.00
3.	Seseorang pelajar <u>menetap</u> berada di luar kawasan asramanya selepas tengah malam	a) RM50.00
4.	Seseorang pelajar <u>bukan menetap</u> berada di dalam kawasan kampus antara jam 12.00 tengah malam sehingga 5.00 pagi.	a) RM50.00
5.	a) Mengotor / mencacatkan sebarang kelengkapan asrama. b) Mengacau, mengganggu atau menyebabkan kesusahan kepada orang lain, dalam menggunakan kemudahan-kemudahan di dalam asrama.	a) RM50.00 a) Dikeluarkan dari kolej sepanjang pengajian.
6.	a) Menukar kolej / bilik tanpa kebenaran b) Menyewakan bilik kepada orang lain c) Pelajar yang menyewa bilik daripada penghuni berdaftar	a) RM50.00 dan kembali ke bilik asal a) RM50.00 a) RM50.00
7.	Mengosong atau berpindah dari tempat tinggal yang ditetapkan oleh universiti tanpa kebenaran daripada universiti.	a) RM50.00

PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAHAGIAN B

BIL	KESALAHAN	DENDAAN / TINDAKAN
1.	Penghuni-penghuni tidak mengeluarkan barang-barang kepunyaan sendiri dari dalam bilik.	a) Barang-barang akan dikeluarkan tetapi pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab dengan keselamatan barangan tersebut
2.	Merosak dan menghilangkan harta benda kolej kediaman.	a) RM50.00 b) Dikeluarkan dari kolej sepanjang pengajian
3.	Memindahkan harta benda kolej dari tempat asalnya tanpa kebenaran Pengetua Kolej.	a) RM50.00
4.	Mencatitkan dinding dan merosakkan harta benda kolej.	a) RM50.00 b) Dikeluarkan dari kolej sepanjang pengajian
5.	a) Membawa masuk makanan yang tidak tahan lama/makanan yang tidak dibenarkan. b) Menyimpan minuman keras di dalam bilik. c) Memiliki atau mengedar dadah d) Memiliki gambar-gambar lucah, bacaan yang diharamkan atau audio visual yang diharamkan. e) Memiliki atau menggunakan bahan-bahan kimia atau ubat-ubatan yang membahayakan.	a) RM50.00 a) kes (b) hingga (e) akan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
6.	Memelihara binatang di dalam kawasan kolej kediaman.	a) RM50.00 dan / atau b) Dikeluarkan dari kolej sepanjang pengajian
7.	Melakukan perbuatan yang membahayakan diri seperti memanjat bumbung/tebing tingkap	a) RM50.00 dan / atau
8.	Tidak memadamkan lampu/kipas angin semasa meninggalkan bilik	a) RM50.00
9.	Tidak menggunakan kain cadar/sarung bantal pada setiap masa atau menggunakan kain cadar/sarung bantal yang kotor.	a) RM20.00
10.	a) Melakukan apa-apa jenis perbuatan yang boleh mengganggu ketenteraman dan keharmonian kolej. b) Merosak / menyalahgunakan alat pemadam api/alat pencegahan kebakaran lain.	a) RM50.00 dan / atau a) RM100.00 dan / atau b) Dikeluarkan dari kolej sepanjang pengajian
11.	Memiliki/menggunakan alat elektrik selain daripada yang disediakan dan dibenarkan oleh pihak kolej seperti cerek/alat pemanas air, peti ais, periuk nasi, televisyen, mesin jahit dan sebagainya.	a) Alat diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
12.	a) Meletakkan kenderaan di dalam bangunan atau ditempat yang tidak dibenarkan atau menghalang tempat lalulalang. b) Menggunakan kenderaan dengan tidak mengikut peraturan Akta Kenderaan Jalan raya 1987.	a) RM50.00 b) RM50.00

PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAHAGIAN C

BIL	KESALAHAN	DENDAAN / TINDAKAN
1.	Berkhalwat termasuk berdua-duaan.	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
2.	Bermain judi/permainan yang ada unsur pertaruhan.	a) RM50.00 dan / atau b) Dikeluarkan dari kolej sepanjang pengajian.
3.	Menginap tanpa kebenaran (squatting) (selepas 12.00 malam).	RM20.00
4.	Melakukan amalan pemujaan di dalam bilik.	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
5.	Tidak hadir ke perbicaraan tatatertib.	a) Digantung serta-merta
6.	Melonco/"ragging".	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
7.	Memberi maklumat palsu tentang diri sendiri atau gagal memberi maklumat yang diminta oleh Pengetua atau wakilnya.	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
8.	Memiliki atau menerbitkan bahan-bahan bercetak yang tidak dibenarkan oleh undang-undang atau boleh menimbulkan permusuhan kaum.	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
9.	Mencuri atau melakukan peras ugut	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
10.	Mencederakan orang lain tanpa sebab munasabah.	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
11.	Bergaduh, bertumbuk, menyertai kumpulan haram.	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
12.	Gagal atau enggan memberi maklumat berkenaan dengan sesuatu perbuatan jenayah atau terlibat di dalam sebarang kegiatan jenayah.	a) Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib
13.	Mengendap atau berkelakuan mencurigai di kawasan jantina lain.	a) RM50.00 dan / atau b) Dikeluarkan dari kolej sepanjang pengajian

PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PERATURAN TAMBAHAN

1. Waktu Lawatan

Para pelawat dibenarkan melawat pada hari dan waktu yang ditetapkan iaitu

- a) Hari Ahad hingga Khamis
dari jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam
- b) Hari Jumaat, Sabtu dan Cuti Umum
dari jam 7.00 pagi hingga 12.00 malam

2. Melekat Kenyataan dan Pelekat

Sebarang kenyataan dan pelekat hanya boleh ditampal di papan kenyataan yang disediakan sahaja.

3. Kekemasan dan Kebersihan Bilik

Setiap penghuni bertanggungjawab terhadap kebersihan bilik masing-masing setiap masa. Semua peralatan (seperti lampu, kipas, cermin tingkap) dan perabot (seperti almari, katil, meja, laci) di dalam bilik mestilah sentiasa bersih dan berkeadaan baik. Setiap bilik akan dibekalkan dengan bakul sampah, penyedok dan penyapu. Pastikan semuanya diletak di dalam bilik dan sampah tidak disapu keluar ke koridor. Pastikan sampah dibuang ke dalam tong sampah besar yang disediakan di setiap tingkat sebelum jam 8.30 pagi setiap hari.

4. Kasut/Selipar di Koridor

Bagi memastikan koridor bersih dan memudahkan laluan semasa kecemasan, saudara/i dikehendaki menyimpan item-item tersebut di dalam bilik masing-masing. Sekiranya ia masih diletakkan di luar bilik (terutama kasut/selipar) ia akan dirampas tanpa sebarang notis.

5. Peraturan Berpakaian

Semua penghuni diingatkan supaya mematuhi cara berpakaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMK.

6. Peraturan Meletak Kenderaan

Penghuni diminta meletak kenderaan masing-masing secara teratur dan mengikut peraturan lalulintas. Sebarang kenderaan yang diletak tidak mengikut peraturan akan diambil tindakan.

7. Penjimatan Tenaga Elektrik

Penghuni dinasihatkan supaya jangan membazirkan elektrik. Pastikan suis kipas angin dan lampu dipadamkan apabila tidak digunakannya atau bila keluar dari bilik. Lampu utama bilik hanya dibenarkan sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja, selepas jam 12.00 tengah malam lampu utama bilik hendaklah dipadamkan dan sesiapa yang hendak menggunakan lampu, hanya lampu meja dibenarkan.

8. Penggunaan Komputer dan Pencetak Di dalam bilik

Penghuni yang memiliki dan menggunakan komputer di dalam bilik mestilah memohon kebenaran pihak pengurusan kolej kediaman melalui borang khas yang boleh didapati di Pejabat Kolej.

9. Penggunaan Seterika Dan Papan Seterika

Sekiranya didapati kerosakan seterika/cerek disebabkan kecuaiannya penghuni secara sengaja atau tidak sengaja, bayaran pembaikan akan dikenakan ke atas penghuni tersebut atau kesemua penghuni di tingkat yang berkenaan.

10. Menyidai pakaian

Pastikan pakaian disidai di tempat-tempat yang telah disediakan seperti di ampaian di luar bilik masing-masing sahaja. Pakaian yang disidai di tempat-tempat lain akan dirampas.

11. Jualan Makanan dan Rokok

Sebarang aktiviti penjualan makanan, rokok, CD dan lain-lain di dalam bangunan asrama adalah tidak dibenarkan sama sekali

12. Tuala Wanita (Sanitary Napkins)

Pastikan tuala wanita dibuang ke dalam 'Sanitary Bin' yang disediakan. Membuangnya ke dalam mangkuk tandas akan menyebabkan tandas serta 'manhole' tersumbat dan mengganggu keselesaan penghuni sendiri.

13. Sampah Sarap dan Sisa Makanan

Pastikan sampah sarap dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan. Sisa makanan diikat di dalam plastik, bahan kaca dibungkus dalam kertas dan puntung rokok dipadamkan terlebih dahulu sebelum dibuang ke dalam tong sampah.

14. Kad Akses

Pastikan anda sentiasa membawa bersama kad akses anda apabila keluar dari bilik. Denda akan dikenakan ke atas penghuni yang kehilangan kad akses tersebut. Anda juga tidak dibenarkan menyendal pintu masuk dengan apa-apa jua benda / alatan yang boleh menghalang pintu tersebut daripada tertutup dengan sepenuhnya.

15. Langsir

Pastikan ia tidak terkeluar dari tingkap atau digulung/disimpul atau seumpamanya. Penghuni juga dilarang menanggalkan dan membawa keluar langsir dari bilik masing-masing bagi tujuan yang lain.

PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PERATURAN SEMASA MENAMATKAN PENGINAPAN
SIDANG AKADEMIK

1. **Kebersihan Bilik**

Sila keluarkan harta benda persendirian dari bilik. Barang-barang hanya boleh disimpan di dalam loker atau setor di atas risiko sendiri. Anda diminta untuk membuang semua sampah sarap ke dalam tong-tong sampah yang disediakan. Penghuni yang terakhir meninggalkan bilik pastikan bilik dalam keadaan bersih. Bilik-bilik yang ditinggalkan dalam keadaan kotor akan didenda.

2. **Penyimpanan Barang-barang di dalam setor.**

Sesiapa yang ingin menyimpan barang di dalam setor semasa cuti mestilah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- a) telah dipilih sebagai penghuni kolej tersebut.
- b) Pelajar yang akan menamatkan pengajian tidak dibenarkan.
- c) seorang penghuni hanya dibenarkan menyimpan sebuah beg/kotak sahaja.
- d) barangan yang disimpan mestilah yang tidak akan digunakan semasa cuti kerana setor-setor tersebut **tidak akan dibuka** untuk pengambilan barang-barang semasa cuti.
- e) setor dibuka untuk penyimpanan/pengambilan barangan seperti berikut:-

Waktu penyimpanan

Di dalam waktu pejabat sahaja semasa minggu ulangkaji hingga hari terakhir peperiksaan.

Waktu pengambilan

Di dalam waktu pejabat sepanjang minggu pertama setiap semester.